From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 13 July, 2022 4:22:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TNC (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM Kongsi Strategi Kekal Penarafan Bintang MyRA

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 JULAI 2022 / 13 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Noor Hasliza Abdul Hamid
Gambar oleh: RIMC

TNC (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) UTHM KONGSI STRATEGI KEKAL PENARAFAN BINTANG MyRA



UUM ONLINE: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir Omar telah berkongsi strategi bagi mengekalkan penarafan bintang

MyRA semasa Program '*Sharing Session*: *MyRA Performance Measurement & Strategies 2022*' anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) Universiti Utara Mlaaysia (UUM), baru-baru ini.

Mohd Shahir Shamsir yang juga Profesor Adjung (Penyelidikan dan Inovasi) RIMC merupakan Ketua Task Force dalam penilaian MyRA dan HICoE di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Pengarah RIMC, Prof. Madya Dr. Nor Idayu Mahat berkata, program itu bertujuan memberi penerangan secara terperinci berkenaan definisi operasi (OD) MyRA yang bersesuaian dengan ekosistem penyelidikan dan pembangunan (R&D) UUM.

Menurutnya, sesi tersebut menjadi platform perkongsian yang diharapkan dapat membantu staf akademik serta pembekal-pembekal data UUM dalam usaha penyediaan dan penghantaran data yang berkualiti, meningkatkan skor penilaian pencapaian MyRA yang lebih berimpak dan memenuhi keperluan KPT.

"Ini adalah peluang kepada semua peserta yang hadir untuk bertanya kepada pakar tentang MyRA dan apa kepentingan MyRA kepada universiti.

"Program ini diharap akan terus meningkatkan motivasi dan semangat semua pihak untuk menyumbang kepada kecemerlangan MyRA," katanya.

Mohd Shahir berkata, pelajar adalah input dan output penyelidikan terbesar sesebuah universiti.

Pada sesi pagi, beliau turut menerangkan mengenai sistem e-MyRA dan glosari MyRA, manakala pada sesi petang diteruskan dengan penerangan tentang tadbir urus dan kemudahan makmal serta insentif cukai dua kali.

Lebih 80 peserta terdiri daripada Dekan Pusat Pengajian, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Ahli Jawatankuasa Pelaksana MyRA, Ahli Jawatankuasa Pemandu MyRA dan Juruaudit Dalam MyRA menyertai sesi perkongsian itu.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not

relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.